

08 NOV 1998

ABDULLAH BADAWI PASTIKAN UMNO PULAU PULAU PINANG KUKUH

JOHOR BAHRU, 8 Nov (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Badawi berkata beliau menghargai keyakinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melantik beliau sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang yang baru.

Katanya, beliau akan terus memastikan komitmen anggota-anggota Umno Pulau Pinang agar lebih kukuh dan akan meneruskan perjuangan parti demi kepentingan bangsa, agama dan negara.

"Kita (Umno Pulau Pinang) juga akan memberikan kerjasama yang erat dengan Umno pusat serta Umno di negeri-negeri lain dan sokongan yang setia terhadap pucuk pimpinan parti," katanya ketika diminta mengulas mengenai pelantikan beliau yang diumumkan oleh Dr Mahathir di akhir mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Kuala Lumpur pada Jumaat lepas.

Umno Pulau Pinang sebelum ini diketuai bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno berkata bahawa dalam keadaan kegawatan politik hari ini, perpaduan dan kerjasama anggota-anggota Umno amat penting dan perlu dipereratkan lagi.

"Dalam masa seperti inilah, perpaduan parti perlu diperkukuhkan dan disiplin parti juga perlu dijaga supaya parti sentiasa stabil," katanya.

-- BERNAMA

RAM mai